# DOKUMEN TAWARAN SEBUT HARGA

## SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN *'CHILLER'* DI GALERI GLULAM JOHOR BAHRU (GGJB) UNTUK LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)

NO. SEBUT HARGA: **MTIB/SH(A)/005/2019**

LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA
KEMENTERIAN INDUSTRI UTAMA

## KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| KENYATAAN SEBUT HARGA | 5 |
| SENARAI SEMAK CADANGAN TAWARAN KEWANGAN (LAMPIRAN A) | 7 |
| SENARAI SEMAK CADANGAN TAWARAN TEKNIKAL (LAMPIRAN B) | 10 |
| PENGENALAN SEBUT HARGA | 12 |

**BAHAGIAN 1**

**ARAHAN DAN KEPADA PENYEBUT HARGA**

| BIL. | PERKARA | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| 1. | PERIHAL SEBUT HARGA | 30 |
| 2. | CARA-CARA MENGISI BORANG SEBUT HARGA | 15 |
| 3. | KANDUNGAN SEBUT HARGA | 15 |
| 4. | PENYERAHAN SEBUT HARGA | 15 |
| 5. | KOS SEBUT HARGA | 18 |
| 6. | PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH | 18 |
| 7. | TARIKH TUTUP | 19 |

**BAHAGIAN 2**

**SYARAT-SYARAT AM KEPADA PENYEBUT HARGA**

| BIL. | PERKARA | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| 1. | KELAYAKAN MENYERTAI SEBUT HARGA | 21 |
| 2. | HARGA DAN TEMPOH SAH LAKU | 21 |
| 3. | PEMERIKSAAN | 21 |
| 4. | PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI | 22 |
| 5. | DENDA | 22 |
| 6. | SETUJU TERIMA SEBUT HARGA | 22 |
| 7. | TEMPOH PERKHIDMATAN | 22 |
| 8. | PENGIKLANAN | 22 |

| BIL. | PERKARA | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| 9. | TAFSIRAN | 23 |
| 10. | HARGA TAWARAN | 23 |
| 11. | HAK MTIB MENERIMA ATAU MENOLAK DOKUMEN SEBUT HARGA | 23 |
| 12. | SURAT SETUJU TERIMA (LOA) | 24 |
| 13. | KONTRAK/ SUB-KONTRAK DAN MENYERAH HAK BEKALAN | 24 |
| 30. | BON PELAKSANAAN | 24 |
| 15. | PEMATUHAN KEPADA ARAHAN KESELAMATAN DAN UNDANG-UNDANG KERAJAAN | 25 |
| 16. | PENAMATAN PERKHIDMATAN | 25 |
| 17. | PEMBATALAN SEBUT HARGA | 25 |


**<u>BAHAGIAN 3</u>**

**SYARAT-SYARAT KHAS KEPADA PENYEBUT HARGA**


| BIL. | PERKARA | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| 1. | KOS SEBUT HARA | 27 |
| 2. | MAKLUMAT DAN PENGALAMAN SYARIKAT | 27 |
| 3. | JADUAL PELAKSANAAN | 27 |
| 4. | PEMBAYARAN | 27 |
| 5. | PENENTUAN TEKNIKAL | 27 |


**<u>BAHAGIAN 4</u>**

**PENENTUAN SPESIFIKASI**


| BIL. | PERKARA | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| 1. | ARAHAN | 30 - 31 |
| 2. | SPESIFIKASI TEKNIKAL | 32 - 33 |

## BAHAGIAN 5

**LAMPIRAN Q DAN BORANG-BORANG**


| BIL. | PERKARA | | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1. | **LAMPIRAN Q** | : ARAHAN PERBENDAHARAAN 170 | 35 - 36 |
| 2. | **BORANG I** | : JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI | 37 - 38 |
| 3. | **BORANG II** | : JADUAL HARGA | 39 - 40 |
| 4. | **BORANG III** | : KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA | 41 - 46 |
| 5. | **BORANG IV** | : SENARAI PENGALAMAN PENYEBUT HARGA | 47 |
| 6. | **BORANG V** | : BORANG AKUAN SEBUT HARGA | 48 - 49 |
| 7. | **BORANG VI** | : SURAT AKUAN PEMBIDA | 50 |
| 8. | **BORANG VII** | : SURAT PERWAKILAN KUASA | 51 |
| 9. | **BORANG VIII** | : JADUAL PELAKSANAAN PERKHIDMATAN | 52 |

**LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA**
**KEMENTERIAN INDUSTRI UTAMA**

## KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

**SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN *'CHILLER'* DI GALERI GLULAM JOHOR BAHRU (GGJB) UNTUK LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)**
**(NO. SEBUT HARGA: MTIB/SH(A)/005/2019)**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan **Bumiputera** yang berpengalaman yang dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) yang masih sah sekurang-kurangnya **TIGA (3) BULAN dari tarikh tutup sebut harga** di bawah kod bidang seperti berikut:

   **220301 –** *Alat Hawa Dingin (window/split/berpusat).*

2. **TAKLIMAT SEBUT HARGA DAN LAWATAN TAPAK**

   2.1 Penyebut harga **DIKEHENDAKI** untuk menghadiri taklimat sebut harga dan lawatan tapak yang akan diadakan seperti ketentuan berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | **7 Mac 2019 (Khamis)** |
| Masa | : | **10.30 Pagi** |
| Tempat | : | **GALERI GLULAM JOHOR BAHRU**<br>Lot 19851,<br>Jalan Tampoi, Mukim Tebrau,<br>**81200 JOHOR BAHRU, JOHOR**<br>**No. Tel.: 07-232 9048/ 9057** |
| Pegawai untuk dihubungi | : | **Encik Abdul Rafa Tan** |
| **Nota** | : | **(LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN)** |

   2.2 **PERINGATAN:** *Hanya* ***Penama Di Dalam Sijil Kementerian Kewangan (MoF) Sahaja*** *yang boleh menghadiri lawatan tapak seperti yang dinyatakan di atas dan* ***penyebut harga tidak boleh mewakilkan individu selain daripada penama yang dibenarkan dalam sijil.***

   2.3 Sila kemukakan **Kad Pengenalan** dan **satu (1) salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Dengan Kementerian Kewangan (MoF)** semasa menghadiri lawatan tapak bagi tujuan pengesahan kehadiran. Kegagalan mematuhi arahan di **perenggan 2.2 dan 2.3** akan menyebabkan syarikat tuan tidak layak untuk menyertai tawaran sebut harga ini.

3. Dokumen Sebut Harga boleh dimuat turun bermula **5 Mac 2019 (Selasa)** sehingga **18 Mac 2019 (Isnin)** menerusi Portal Korporat MTIB www.mtib.gov.my. Tarikh tutup Sebut Harga adalah pada **18 Mac 2019 (Isnin).**

4. Dokumen tawaran Sebut Harga yang telah siap diisi **HENDAKLAH** dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang ditetapkan di **Unit Pengurusan Perolehan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Tingkat 16, Menara PGRM, No. 8, Jalan Pudu Ulu, 56100 Cheras, Kuala Lumpur** tidak lewat dari **jam 12.00 tengah hari** pada **18 Mac 2019 (Isnin).** Sebut Harga yang **lewat TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**

5. Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) tidak bertanggungjawab ke atas kelewatan dokumen Sebut Harga yang diposkan dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran yang dikemukakan.

6. Keputusan tawaran Sebut Harga dan syarikat yang berjaya akan disiarkan di dalam Laman Web MTIB (www.mtib.gov.my). Penyebut harga boleh menyemak status tawaran dalam tempoh di antara **satu (1) bulan hingga dua (2) bulan selepas tarikh tutup Sebut Harga.** Bagi penyebut harga yang namanya tidak disiarkan di Laman Web MTIB adalah dianggap tidak berjaya dalam Sebut Harga tersebut.

**Lampiran A**

## <u>SENARAI SEMAK DOKUMEN CADANGAN TAWARAN KEWANGAN</u>

**SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN *'CHILLER'* DI GALERI GLULAM JOHOR BAHRU (GGJB) UNTUK LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)**
**(NO. SEBUT HARGA: MTIB/SH(A)/005/2019)**

**Sila Tandakan (√) Bagi Dokumen-Dokumen Yang Disertakan Dan Sertakan Dokumen Ini (Senarai Semakan) Beserta Dengan Tawaran Sebut Harga.**

| SAMPUL TAWARAN | PERKARA | PEMATUHAN DOKUMEN | PENYEBUT HARGA (√) | JK PEMBUKA SEBUT HARGA (√) |
|---|---|---|---|---|
| **(A) LAMPIRAN CADANGAN TAWARAN KEWANGAN<br><br>(Dimasukkan ke dalam sampul Tawaran Kewangan)** | **Lampiran A –** Senarai Semak Cadangan Tawaran Kewangan | **Dokumen wajib disertakan** | | |
| | **Borang II –** Jadual Harga | **Dokumen wajib disertakan** | | |
| | **Lampiran Q –** Arahan Perbendaharaan 170 | **Dokumen wajib disertakan** | | |
| | **Borang III –** Keterangan Mengenai Penyebut Harga | **Dokumen wajib disertakan** | | |
| | **Borang V –** Borang Akuan Sebut Harga | **Dokumen wajib disertakan** | | |
| | **Borang VI –** Surat Akuan Pembida | **Dokumen wajib disertakan** | | |
| | **Borang VII –** Surat Perwakilan Kuasa | **Jika Berkenaan** | | |
| | Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) yang **masih sah dan berkuat kuasa sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari tarikh tutup sebut harga** dalam kod bidang: **220301** | **Dokumen wajib disertakan** | | |
| | Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) sebagai kontraktor **Bumiputera** yang **masih sah dan berkuat kuasa** | **Dokumen wajib disertakan** | | |

| SAMPUL TAWARAN | PERKARA | PEMATUHAN DOKUMEN | PENYEBUT HARGA (√) | JK PEMBUKA SEBUT HARGA (√) |
|---|---|---|---|---|
| | Sijil Perakuan Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau **Borang D** berserta maklumat pemilikan dan perniagaan syarikat. Bagi syarikat **Berhad** dan **Sendirian Berhad**, penyebut harga dikehendaki memajukan **Borang 9**, **Borang 24** dan **Borang 49 atau Carian SSM e-info.** | **Dokumen wajib disertakan** | | |
| | Salinan **Borang 13 SSM** atau **Carian e-info SSM sekiranya syarikat bertukar nama** | **Dokumen wajib disertakan jika berkaitan** | | |
| | **Penyata Bank** bagi **tiga (3) bulan terkini atau *NOVEMBER 2018, DISEMBER 2018 DAN JANUARI 2019*** hendaklah **DIAKUI SAH OLEH PIHAK BANK** | **Dokumen wajib disertakan** | | |
| | Salinan **Sijil Pendaftaran Cukai Jualan & Cukai Perkhidmatan (CJCP)** dengan **Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)** | **Jika Berkenaan** | | |
| | **Profil Syarikat** (profil ringkas/ buku korporat syarikat mengenai latar belakang, komposisi pekerja, pengalaman syarikat) | **Dokumen wajib disertakan** | | |
| | Salinan dokumen/ surat pengesahan/ perakuan yang menunjukkan syarikat mempunyai sumber kewangan lain seperti kemudahan pembiayaan daripada bank/ institusi kewangan yang diakui sah oleh pihak institusi berkenaan. | **Jika Berkenaan** | | |

***Nota:** Sampul Lampiran Tawaran Kewangan **(Sampul A)** dan Tawaran Teknikal **(Sampul B)** hendaklah dimasukkan dalam satu sampul besar dan berlakri untuk dimasukkan dalam peti Sebut Harga sebelum atau pada tarikh tutup Sebut Harga.*

Saya sebagai Pemilik Tunggal/Pengarah Syarikat membuat pengakuan bahawa dokumen-dokumen yang diperlukan seperti di atas telah disemak, disahkan dan disertakan bersama-sama tawaran ini.

<table>
<tr><th>Untuk Diisi oleh Penyebut Harga</th><th>Untuk Diisi oleh MTIB</th></tr>
<tr><td>Pemilik/Pengarah/Wakil Syarikat<br><br><br>...........................................................<br>(Tandatangan)<br>Nama :<br>No. K/P :<br>Tarikh :<br>Cop Syarikat :</td><td>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga<br><br><br>...........................................................<br>(Tandatangan - Pengerusi)<br>Nama :<br>Cop Jawatan :<br><br>Tarikh :<br><br><br>...........................................................<br>(Tandatangan - Ahli)<br>Nama :<br>Cop Jawatan :<br><br>Tarikh :</td></tr>
</table>

**Lampiran B**

## SENARAI SEMAK DOKUMEN CADANGAN TAWARAN TEKNIKAL

**SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN *'CHILLER'* DI GALERI GLULAM JOHOR BAHRU (GGJB) UNTUK LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)**
**(NO. SEBUT HARGA: MTIB/SH(A)/005/2019)**

**Sila Tandakan (√) Bagi Dokumen-Dokumen Yang Disertakan Dan Sertakan Dokumen Ini (Senarai Semakan) Beserta Dengan Tawaran Sebut Harga.**

| SAMPUL TAWARAN | PERKARA | PEMATUHAN DOKUMEN | SYARIKAT (√) | JK PEMBUKA SEBUT HARGA (√) |
|---|---|---|---|---|
| **(B) LAMPIRAN CADANGAN TAWARAN TEKNIKAL (Dimasukkan ke dalam sampul Tawaran Teknikal)** | **Lampiran B –** Senarai Semak Cadangan Tawaran Teknikal | **Dokumen wajib disertakan** | | |
| | **Borang I –** Jadual Pematuhan Spesifikasi | **Dokumen wajib disertakan** | | |
| | **Borang IV –** Senarai Pengalaman Penyebut Harga | **Dokumen wajib disertakan** | | |
| | **Borang VII –** Jadual Pelaksanaan Perkhidmatan | **Dokumen wajib disertakan** | | |

**<u>Peringatan:</u>**

**Pastikan dokumen telah LENGKAP DIISI sepertimana arahan dalam Dokumen Sebut Harga dan <u>TIADA NAMA SYARIKAT DAN COP SYARIKAT TERTERA</u> di dalam semua dokumen CADANGAN TAWARAN TEKNIKAL ini.**

***Nota:*** *Sampul Lampiran Tawaran Kewangan **(Sampul A)** dan Tawaran Teknikal **(Sampul B)** hendaklah dimasukkan dalam satu sampul besar dan berlakri untuk dimasukkan dalam peti Sebut Harga sebelum atau pada tarikh tutup Sebut Harga.*

Saya sebagai Pemilik Tunggal/Pengarah Syarikat membuat pengakuan bahawa dokumen-dokumen yang diperlukan seperti di atas telah disemak, disahkan dan disertakan bersama-sama tawaran ini.

| Untuk Diisi oleh Penyebut Harga | Untuk Diisi oleh MTIB |
|---|---|
| Pemilik/Pengarah/Wakil Syarikat<br><br><br>............................................................<br>(Tandatangan)<br>Nama :<br>No. K/P :<br>Tarikh : | Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga<br><br><br>............................................................<br>(Tandatangan - Pengerusi)<br>Nama :<br>Cop Jawatan :<br><br>Tarikh :<br><br><br>............................................................<br>(Tandatangan - Ahli)<br>Nama :<br>Cop Jawatan :<br><br>Tarikh : |

# PENGENALAN SEBUT HARGA

**SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN *'CHILLER'* DI GALERI GLULAM JOHOR BAHRU (GGJB) UNTUK LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)**
**(NO. SEBUT HARGA: MTIB/SH(A)/005/2019)**

**PERINGATAN:**

1. Penyebut harga-penyebut harga dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butir-butir dokumen Sebut Harga sebelum mengemukakan cadangan tawaran.

2. Pastikan dokumen Sebut Harga adalah lengkap di kesemua muka surat. Sekiranya terdapat maklumat lanjut yang diperlukan berkaitan dengan Sebut Harga adalah menjadi tanggungjawab penyebut harga untuk mendapatkan penjelasan daripada **Unit Pengurusan Perolehan MTIB** di talian **03-9282 2235 sambungan 1235.**

3. Manakala bagi maklumat berkenaan dengan spesifikasi perkhidmatan, penyebut harga hendaklah mendapatkan penjelasan daripada pegawai yang berkenaan di talian **07-232 9048 / 9057 (Pegawai untuk dihubungi: Encik Abdul Rafa Tan).**

# <u>BAHAGIAN 1</u>

# ARAHAN
# KEPADA PENYEBUT HARGA

LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA
KEMENTERIAN INDUSTRI UTAMA

# ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

**LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA,**
**TINGKAT 16, MENARA PGRM,**
**NO.8, JALAN PUDU ULU, CHERAS,**
**P.O. BOX 10887,**
**50728 KUALA LUMPUR.**

**..........................................................................**

**..........................................................................**

**..........................................................................**

**..........................................................................**

**..........................................................................**

**Tuan/Puan,**

**SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN *'CHILLER'* DI GALERI GLULAM JOHOR BAHRU (GGJB) UNTUK LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)**

**(NO. SEBUT HARGA: MTIB/SH(A)/005/2019)**

## 1.0 PERIHAL SEBUT HARGA

1.1 Sebut Harga adalah dipelawa dari penyebut harga-penyebut harga yang berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MoF) bagi SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN *'CHILLER'* DI GALERI GLULAM JOHOR BAHRU (GGJB) UNTUK LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB).

1.2 Penyebut harga yang dijemput adalah tertakluk kepada Arahan-arahan, Syarat-syarat Am dan Syarat-syarat Khas yang terkandung di dalam dokumen ini. Arahan-arahan, Syarat-syarat Am dan Syarat-syarat Khas yang dinyatakan hendaklah disifatkan sebagai syarat kontrak. **Sebut Harga yang tidak mengikut arahan-arahan dan syarat-syarat yang dinyatakan tidak akan dipertimbangkan.**

1.3 Penyebut harga tdak boleh mencatatkan nama syarikat di mana-mana pun dalam dokumen Tawaran Teknikal. Kegagalan Penyebut harga mematuhi syarat ini boleh menyebabkan tawaran penyebut harga ditolak.

## 2.0 CARA-CARA MENGISI BORANG SEBUT HARGA

2.1 Penyebut harga hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat dalam dokumen Sebut Harga serta menyemak kandungan dokumen Sebut Harga dengan teliti sebelum mengisi borang-borang dan lampiran-lampiran Sebut Harga.

2.2 Borang Sebut Harga hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas mengikut ruangan-ruangan dan lampiran-lampiran yang disediakan.

2.3 Setiap pembetulan atau pindaan yang dibuat hendaklah ditandatangan ringkas atau dicop dengan cop rasmi syarikat setentang dengan pembetulan atau pindaan tersebut.

## 3.0 KANDUNGAN SEBUT HARGA

3.1 Sebut Harga hendaklah dikemukakan di atas borang atau surat berkenaan sepertimana yang telah ditetapkan dalam dokumen Sebut Harga ini seperti berikut:-

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3.1.1 | **Borang II;** | 3.1.7 | **Borang VII;** |
| 3.1.2 | **Borang II;** | 3.1.8 | **Borang VIII;** |
| 3.1.3 | **Borang III;** | 3.1.9 | **Lampiran A;** |
| 3.1.4 | **Borang IV;** | 3.1.10 | **Lampiran B; dan** |
| 3.1.5 | **Borang V;** | 3.1.11 | **Lampiran Q.** |
| 3.1.6 | **Borang VI;** | | |

3.2 Sebut Harga-Sebut Harga yang tidak dikemukakan di atas lampiran dan borang atau surat Sebut Harga yang **berkenaan sepertimana di perenggan 3.1 tidak akan diterima**. Walau bagaimanapun, penyebut harga-penyebut harga boleh mengemukakan dokumen tambahan mengikut format dinyatakan untuk memberi penerangan-penerangan.

3.3 Penyebut harga perlu mengepilkan dokumen-dokumen di **perenggan 3.1** berserta dengan dokumen-dokumen lain yang berkaitan seperti yang dinyatakan di **Senarai Semak (Lampiran A dan Lampiran B).**

## 4.0 PENYERAHAN SEBUT HARGA

4.1 Sebut Harga hendaklah dikemukakan dalam **DUA (2) sampul surat berlakri (*sealed*)** iaitu:

4.1.1 Sampul surat pertama iaitu **Sampul A (Tawaran Kewangan)** sebanyak **EMPAT (4) set salinan** iaitu **DUA (2) set salinan asal** yang dilabel sebagai **"ORIGINAL"** dan **DUA (2) set salinan lain** yang dilabel sebagai **"COPY".** Keempat-empat set salinan tersebut mestilah mengandungi:

1. **Lampiran A –** Senarai Semak Cadangan Tawaran Kewangan;
2. **Lampiran Q –** Arahan Perbendaharaan 170;
3. **Borang II –** Jadual Harga;
4. **Borang III –** Keterangan Mengenai Penyebut Harga;
5. **Borang V –** Borang Akuan Sebut Harga;
6. **Borang VI –** Surat Akuan Pembida;
7. **Borang VII –** Surat Perwakilan Kuasa **(jika berkenaan);**
8. Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) yang **masih sah dan berkuat kuasa sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari tarikh tutup sebut harga dalam kod bidang: 220301;**
9. Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) sebagai kontraktor **Bumiputera** yang **masih sah dan berkuat kuasa (wajib);**
10. Salinan Sijil Pendaftaran **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** atau **Borang D** berserta maklumat pemilikan dan perniagaan syarikat. Bagi syarikat Berhad dan Sendirian Berhad, penyebut harga dikehendaki memajukan **Borang 9, Borang 24 dan Borang 49 atau Carian SSM e-info**;
11. Salinan **Borang 13 SSM** atau **Carian e-info SSM sekiranya syarikat bertukar nama;**
12. **Penyata bank** bagi **TIGA (3) BULAN TERKINI atau *NOVEMBER 2018, DISEMBER 2018* dan *JANUARI 2019*** hendaklah **DIAKUI SAH OLEH PIHAK BANK;**
13. Salinan **Sijil Pendaftaran Cukai Jualan & Cukai Perkhidmatan (CJCP)** dengan **Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM);**
14. Profil Syarikat; dan
15. Salinan dokumen/ surat pengesahan/ perakuan yang menunjukkan syarikat mempunyai sumber kewangan lain seperti kemudahan pembiayaan daripada bank/ institusi kewangan yang diakui sah oleh pihak institusi berkenaan **(jika berkenaan).**

4.1.2 Serta ditandakan di sudut sebelah atas kiri sampul surat dengan perkataan:

**“SAMPUL KEWANGAN”**

4.1.3 Sampul surat kedua iaitu **Sampul B (Tawaran Teknikal)** sebanyak **EMPAT (4) set salinan** iaitu **DUA (2) set salinan asal** yang dilabel sebagai **"ORIGINAL"** dan **DUA (2) set salinan lain** yang dilabel sebagai **"COPY".** Keempat-empat set salinan tersebut mestilah mengandungi:-

1. **Lampiran B –** Senarai Semak Cadangan Tawaran Teknikal;

2. **Borang I –** Jadual Pematuhan Spesifikasi;

3. **Borang IV –** Senarai Pengalaman Penyebut Harga; dan

4. **Borang VII –** Jadual Pelaksanaan Perkhidmatan.

4.1.4 Penyebut harga **TIDAK DIBENARKAN** mencatat nama syarikat atau sebarang tanda pengenalan (contoh: cop dan sebagainya) dan harga tawaran dalam Tawaran Teknikal yang dikemukakan.

4.1.5 Serta ditandakan di sudut sebelah atas kiri sampul surat dengan perkataan:

**"SAMPUL TEKNIKAL"**

4.2 Bagi setiap set salinan yang dilabel **"COPY" PENYEBUT HARGA DIKEHENDAKI MEMADAMKAN ATAU MENUTUP NAMA SYARIKAT ATAU APA-APA BUTIRAN YANG MENJURUS KE ARAH PENGENALAN NAMA SYARIKAT.**

4.3 **Penyebut harga perlu mematuhi perkara 4.2 tersebut kerana salinan "COPY" akan dijadikan asas pertimbangan dan penilaian MTIB. Kegagalan mematuhi perkara ini akan menyebabkan TAWARAN SEBUT HARGA PENYEBUT HARGA TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**

4.4 **PENYEBUT HARGA JUGA TIDAK DIBENARKAN MENCATAT NAMA SYARIKAT ATAU SEBARANG TANDA PENGENALAN NAMA SYARIKAT DALAM DOKUMEN TAWARAN TEKNIKAL.**

4.5 **Kedua-dua sampul surat ini (Sampul A dan Sampul B)** sepertimana yang dinyatakan di **perenggan 4.1** hendaklah dimasukkan ke dalam **satu sampul surat yang berlakri (*sealed*)** dan dilabel seperti berikut:

**" SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN *'CHILLER'* DI GALERI GLULAM JOHOR BAHRU (GGJB) UNTUK LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)"**
**(NO. SEBUT HARGA: MTIB/SH(A)/005/2019)**

4.6 Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan di alamat berikut:-

**Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia,**
**Tingkat 16, Menara PGRM,**
**No. 8, Jalan Pudu Ulu,**
**P.O. Box 10887,**
**Cheras, 50728 Kuala Lumpur.**
**(u.p.: Unit Pengurusan Perolehan)**

4.7 Dokumen Sebut Harga hendaklah dihantar secara serahan tangan atau pos ke alamat yang telah ditetapkan **pada atau sebelum tarikh dan waktu yang ditetapkan dalam Kenyataan Sebut Harga.** Jika Dokumen Sebut Harga tidak dihantar sendiri, penyebut harga hendaklah mengatur dan memastikan supaya Dokumen Sebut Harga dan lain-lain dokumen yang berkaitan dihantar secara pos sampai pada waktu dan tempat yang ditetapkan. Sebarang alasan berkaitan kelewatan penghantaran Dokumen Sebut Harga yang diterima selepas tempoh yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4.8 MTIB tidak akan bertanggungjawab secara langsung atau tidak langsung, jika berlaku kelewatan, kehilangan atau lain-lain Sebut Harga dihantar. Sebut Harga yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan.

4.9 Penyebut harga adalah dilarang untuk mencatatkan atau melabelkan nama syarikat di mana-mana Jadual Spesifikasi dan Pematuhan Teknikal, Jadual Pelaksanaan, Risalah dan Katalog yang dikembarkan.

## 5.0 KOS SEBUT HARGA

5.1 Penyebut harga mestilah menanggung sendiri semua kos berkaitan dengan penyediaan dan penghantaran Sebut Harga. MTIB tidak akan bertanggungjawab ke atas kos-kos tersebut.

5.2 MTIB tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos yang terlibat oleh Penyebut Harga sekiranya Sebut Harga ini dibatalkan.

## 6.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUH

6.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuh untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan prolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009.

6.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawarkan atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan satu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009.

6.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau penyebut harga boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009.

6.4 Mana-mana kontraktor atau penyebut harga yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekalkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009.

## 7.0 TARIKH TUTUP

7.1 Tarikh tutup Sebut Harga adalah **jam 12.00 tengah hari** pada **18 Mac 2019 (Isnin).** Sebut Harga hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) pada atau sebelum waktu dan tarikh tersebut. **<u>Sebut Harga yang lewat tidak akan dipertimbangkan.</u>**

7.2 Semua maklumat hendaklah sebaik-baiknya ditaip/ ditulis dengan jelas. **SILA AMBIL PERHATIAN BAHAWA BORANG SEBUT HARGA DAN LAMPIRAN YANG BERKAITAN YANG TIDAK DIISI DENGAN LENGKAP, TIDAK DISERTAKAN SALINAN SIJIL/ DOKUMEN WAJIB ATAU TIDAK DITANDATANGANI AKAN DITOLAK.**

# BAHAGIAN 2

# SYARAT-SYARAT AM
# KEPADA PENYEBUT HARGA

LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA
KEMENTERIAN INDUSTRI UTAMA

# SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah diguna pakai. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat-syarat am ini membolehkan Sebut Harga yang dikemukakan oleh penyebut harga ditolak.

## 1.0 KELAYAKAN MENYERTAI SEBUT HARGA

1.1 Sebut Harga adalah dipelawa kepada semua penyebut harga yang bertaraf **Bumiputera** dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan (MoF)** dan masih sah laku di bawah kod **220301** dan pendaftaran tersebut perlu sah sekurang-kurangnya **TIGA (3) BULAN** dari tarikh tutup Sebut Harga.

1.2 Jika tempoh pendaftaran telah atau hampir tamat, penyebut harga hendaklah mengemukakan salinan surat daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) yang menyatakan bahawa permohonan lanjutan/ pembaharuan tempoh pendaftaran telah dibuat.

1.3 MTIB berhak melantik dan membatalkan kontrak syarikat sekiranya perkhidmatan pembekal tidak mematuhi syarat yang ditetapkan/ tawaran yang dipersetujui.

## 2.0 HARGA DAN TEMPOH SAH LAKU

2.1 Harga yang ditawarkan hendaklah dalam **RINGGIT MALAYSIA (RM)**. Jadual harga yang dikemukakan mestilah dinyatakan dalam angka yang tepat bagi unit harga dan jumlah harga serta merupakan harga bersih (termasuk semua diskaun dan kos tambahan) bagi setiap item dan berdasarkan kepada format yang disediakan seperti pada **Borang II** dalam dokumen ini.

2.2 Harga yang disebutkan dalam Sebut Harga sah laku dalam tempoh **tidak kurang dari 90 hari** dari tarikh tutup Sebut Harga.

## 3.0 PEMERIKSAAN

3.1 MTIB sentiasa berhak melantik seseorang pegawai yang memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut.

3.2 Perakuan penerimaan hanya akan dibuat setelah perkhidmatan pembekalan tersebut telah siap dan diperiksa oleh pegawai MTIB yang dilantik atau diberi kuasa.

3.3 Pegawai MTIB yang dilantik terebut berhak membuat penolakan ke atas bekalan/ perkhidmatan yang tidak menepati keperluan sepertimana spesifikasi bekalan/ perkhidmatan dalam dokumen Sebut Harga. Penyebut harga juga hendaklah

menyempurnakan bekalan/ perkhidmatan yang ditolak tersebut. Kos perbelanjaan yang berkaitan hendaklah ditanggung oleh penyebut harga.

## 4.0 PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/ perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan Sebut Harga ini.

## 5.0 DENDA

5.1 Setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh MTIB, penyebut harga dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak MTIB. Sekiranya penyebut harga gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, MTIB berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan **denda** seperti ketetapan berikut:

5.1.1 **Kontraktor gagal melaksanakan pembekalan dan perkhidmatan yang menepati kualiti** akan dikenakan **potongan bil menurut kadar 10%** daripada jumlah harga bekalan dan perkhidmatan yang diberikan.

5.1.2 **Kontraktor yang menghantar bekalan dan perkhidmatan tiruan** hendaklah **menanggung atau menggantikan segala kerugian** akibat daripada bekalan dan perkhidmatan tersebut.

5.1.3 **Kontraktor gagal menghantar bekalan dan perkhidmatan** berdasarkan jadual yang ditetapkan atau mengikut arahan atau permintaan MTIB akan dikenakan **denda** mengikut formula berikut:

$$\frac{V (T + D) \times 5\%}{T}$$

V: Nilai harga bekalan perkhidmatan yang lewat diberikan;
T: Tempoh bekalan/perkhidmatan mengikut kontrak dalam hari; dan
D: Bilangan hari yang lewat.

5.2 Bagi kerja-kerja yang terpaksa ditangguhkan kerana sebab-sebab di luar kawalan penyebut harga seperti rusuhan, kekacauan awam, mogok, kebakaran, banjir, bahaya laut atau seumpama, MTIB boleh membenarkan perlanjutan tempoh kerja-kerja tersebut dengan syarat penyebut harga perlu mengemukakan notis sebab-sebab kerja tertangguh dan masa yang diperlukan.

## 6.0 SETUJU TERIMA SEBUT HARGA

MTIB tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Sebut Harga jua pun. Keputusan adalah muktamad dan MTIB tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada penyebut harga berhubung sebab-sebab penyebut harga tidak berjaya.

## 7.0 TEMPOH PERKHIDMATAN

Tempoh perkhidmatan adalah selama **30 hari.**

## 8.0 PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana Sebut Harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan MTIB terlebih dahulu.

## 9.0 TAFSIRAN

Sebut Harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh Undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai Sebut Harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

## 10.0 HARGA TAWARAN

10.1 Harga Tawaran **oleh penyebut harga hendaklah dikemukakan dengan dinyatakan harga tawaran perkhidmatan dan Cukai Perkhidmatan secara berasingan.**

10.2 Sekiranya perkhidmatan yang ditawarkan oleh penyebut harga termasuk dalam senarai yang dikenakan Cukai Perkhidmatan dan penyebut harga yang berjaya adalah berdaftar CJCP dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), maka penyebut harga akan ditawarkan dengan nilai tawaran termasuk kenaan Cukai Perkhidmatan.

## 11.0 MTIB BERHAK UNTUK MENERIMA ATAU MENOLAK SEBAHAGIAN ATAU SEMUA SEBUT HARGA

11.1 MTIB tidak terikat untuk menerima tawaran Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Sebut Harga yang diterima.

11.2 MTIB juga berhak untuk menerima sebahagian atau keseluruhan cadangan dalam tawaran Sebut Harga.

11.3 Keputusan MTIB adalah muktamad dan MTIB tidak akan teragak-agak untuk memberi apa-apa alasan bagi penolakan mana-mana Sebut Harga.

## 12.0 SURAT SETUJU TERIMA (LOA)

12.1 MTIB akan memberi notis bertulis kepada Penyebut Harga yang berjaya melalui Surat Setuju Terima (LOA).

12.2 Dengan perakuan ke atas Surat Setuju Terima (LOA) tersebut, satu kontrak yang mengikat terbentuk antara MTIB dan penyebut harga yang berjaya tanpa mengambil kira sama ada dokumen kontrak sebenar akan disempurnakan atau tidak.

## 13.0 KONTRAK/ SUB-KONTRAK DAN MENYERAH HAK BEKALAN

13.1 Semua syarat yang terkandung di dalam dokumen Sebut Harga ini adalah sebahagian daripada kontrak yang akan ditandatangani di antara Kerajaan Malaysia dan Penyebut Harga yang Berjaya. Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani kontrak dengan pihak Kerajaan dan membayar segala ganti rugi jika tidak memenuhi syarat-syarat kontrak.

13.2 Surat Setuju Terima (LOA) yang dihantar oleh MTIB kepada Penyebut harga yang berjaya dan Surat Perakuan Penyebut harga ke atas Surat Setuju Terima itu dianggap sebagai kontrak yang mengikat di antara MTIB dan Penyebut harga tanpa mengambil kira sama ada kontrak sebenar akan disempurnakan atau tidak.

13.3 Penyebut harga tidak dibenarkan mengesub-sewakan perkhidmatan kepada Penyebut harga lain. Penyebut harga tidak boleh menyerah hak apa-apa faedah di bawah kontrak ini tanpa dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada MTIB.

## 14.0 BON PELAKSANAAN

14.1 Penyebut harga yang berjaya dikehendaki mengemukakan Bon Pelaksanaan dengan kadar peratus yang ditetapkan mengikut Perjanjian Setuju Terima seperti di bawah:

Nilai lebih dari **RM200,000.00** sehingga **RM500,000.00**, kadar peratusan Bon Pelaksanaan adalah sebanyak **2.5%** ke atas jumlah harga tawaran. Manakala, bagi nilai **lebih RM500,000.00.** Bon Pelaksanaan sebanyak **5%** dikenakan ke atas jumlah harga tawaran.

14.2 Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan berdasarkan contoh format akan ditetapkan oleh MTIB.

14.3 Bon pelaksanaan akan dipulangkan kepada penyebut harga selepas **dua belas (12) bulan** selepas tarikh tamat tempoh kontrak dengan syarat MTIB berpuas hati bahawa syarat-syarat kontrak telah dipenuhi sehingga pembekalan peralatan yang terakhir dan semua peralatan berkaitan berkeadaan baik serta memuaskan sehingga tamat tempoh waranti.

14.4 Penyebut harga yang berjaya dan telah mengikat kontrak dengan MTIB dikehendaki membayar tuntutan ganti rugi sekiranya didapati penyebut harga tersebut melanggar syarat-syarat kontrak dan disabitkan kesalahan.

## 15.0 PEMATUHAN KEPADA ARAHAN KESELAMATAN DAN UNDANG-UNDANG KERAJAAN

Penyebut harga hendaklah mematuhi segala syarat-syarat berkaitan keselamatan di tapak kerja semasa menjalankan perkhidmatan serta mematuhi segala akta, peraturan dan undang-undang Kerajaan Malaysia yang berkaitan dan berkuat kuasa semasa perlaksanaan perkhidmatan/ pembekalan.

## 16.0 PENAMATAN PERKHIDMATAN

Dengan memberi notis bertulis kepada penyebut harga yang berjaya dan dengan tiada apa-apa tindakan selanjutnya MTIB boleh terus menamatkan perkhidmatan sekiranya penyebut harga gagal memenuhi terma/ syarat yang telah ditetapkan dalam Surat Setuju Terima (LOA).

## 17.0 PEMBATALAN SEBUT HARGA

17.1 Pihak MTIB berhak membatalkan proses Sebut harga ini sekiranya diperlukan tanpa memberi sebarang apa-apa alasan. Sebarang kos terpaksa ditanggung oleh pihak penyebut harga kerana urusan sebut harga ini adalah menjadi tanggungjawab penyebut harga sendiri.

